

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

26 JANUARI 2021

1. Tambah baik SOP sijil halal luar negara
2. Semak semula peraturan bolehkan JPV ambil tindakan pemilik haiwan
3. Majlis Halal Malaysia diaktifkan semula
4. Beri kuasa JPV tangani haiwan dikenakan berkeliaran
5. Sekolah sabung ayam digempur
6. Perkukuh sijil halal
7. Ambil tindakan penternak biar haiwan berkeliaran.

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Nasional

Tambah baik SOP sijil halal luar negara

Kerajaan kumpul,
ambil kira
saranan pelbagai
pihak untuk
diperhalusi

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzi@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan mendapatkan ulasan dan pandangan pihak berkepentingan termasuk pemain industri, badan halal luar negara dan kedutaan asing untuk menambah baik prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata kerajaan mahu mendengar dan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan sebelum menggariskan prosedur operasi standard (SOP) yang bersesuaian untuk pengiktirafan pensijilan halal dari luar negara.

Sehubungan itu, katanya, SOP itu akan dibuka untuk ulasan awam dan akan dimasukkan dalam portal www.halal.gov.my selama dua minggu bagi memberi peluang kepada pihak yang ter-

babit dan berkepentingan memberi ulasan dan pandangan.

Zulkifli berkata, pihaknya juga sudah turun padang melawat beberapa kilang dan tempat penyimpanan daging di negara ini serta gembira dengan komitmen ditunjukkan pihak terbabit.

"Saya percaya dengan penguatkuasaan dan penerangan, serta apa yang berlaku selepas itu adalah amat memberangsangkan iaitu pengimportan oleh syarikat yang telah diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Dalam ucapan saya tadi pun, kita ada buat penambahbaikan, yang kita akan kemukakan kepada khalayak pemain berkenaan dengan import dan eksport daging dari dalam dan luar negara untuk mereka memberikan komen kepada kita dalam masa dua minggu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan amanat pada Perhimpunan Agensi-agensi Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bertajuk Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Era Norma Baharu yang disampaikan secara maya, semalam.

Zulkifli berkata, selepas semua maklumat itu dikemukakan, pelancaran secara rasmi prosedur itu akan dilaksanakan.

Mengenai langkah yang diam-


bil dalam memastikan daging import disahkan halal serta disem belih atau dikendalikan mengikut syaria'ah, Zulkifli berkata, tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan semua pihak terbabit selain JAKIM sendiri bekerjasama dengan pihak terbabit.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Abdul Aziz Jusoh, pula berkata sebenarnya prosedur operasi standard (SOP) sudah ada namun perlu ada penambahbaikan. Ia akan membabitkan pandangan pihak luar terutama dari luar negara.

Sebelum ini JAKIM sudah mengadakan dua mesyuarat bersama kementerian dan jabatan berkaitan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Insya-Allah, Menteri kita telah 'soft launch' dulu dan telah selesai. Apabila kita dapat maklumat (maklum balas), kita murnikan (perincikan) untuk akhirnya untuk dilancarkan sebagai SOP," katanya.

Ditanya mengenai Majlis Halal Malaysia yang diaktifkan semula, Zulkifli berkata, sebelum ini dipengerusikan oleh



Kami sudah turun padang melawat beberapa kilang dan tempat penyimpanan daging di negara ini serta gembira dengan komitmen ditunjukkan pihak terbabit.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri,
Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Hal Ehwal Agama)

Timbalan Perdana Menteri, namun tahun lalu ia tidak digerakkan.

Justeru, katanya, beliau sudah memaklumkan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai hasrat untuk mengaktifkan semula badan itu.

"Tkut pemahaman sayalah, beliau akan pengerusikan dahulu. Kita akan kemukakan apa yang kita nak majukan dan tingkatkan membabitkan isu halal ini. Ada beberapa kementerian yang terkait bawah Majlis Halal Malaysia ini selain akar dan golongan profesional," katanya.

Semak semula peraturan bolehkan JPV ambil tindakan pemilik haiwan

Kuala Terengganu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diminta menyemak semula peraturan atau enakmen bagi membolehkan tindakan tegas diambil terhadap pemilik haiwan yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran terutama di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim, berkata ketika ini hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah yang boleh mengambil tindakan ke atas haiwan berkeliaran dan bukannya JPV.

Beliau berkata, berdasarkan Arahan Protokol JPV Malaysia, semua ternakan yang berdaftar diwajibkan memakai tanda pengenalan.

“Isunya kesedaran dalam kalangan sesetengah pemilik yang mengambil mudah dengan tidak mempraktikkan peraturan tersebut, malah mereka mengamalkan sistem lepas bebas. ++

“Ini menimbulkan banyak masalah antaranya risiko penyakit berjangkit, pencemaran dan yang lebih teruk mendatangkan risiko kemalangan yang boleh meragut nyawa manusia dan haiwan itu sendiri seperti yang berlaku di LPT2 baru-baru ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam kemalangan pada malam Sabtu lalu, dua kereta rosak teruk selepas terlanggar sembilan ekor lembu yang berkeliaran di Kilometer 291.1 LPT2 berhampiran Kijal, Kemaman dan kesemua haiwan itu mati akibat dirempuh.

BERNAMA



ZULKIFLI semasa melancarkan Integrasi Maqasid Syariah di Putrajaya semalam.

Kerajaan berusaha tangani isu kartel daging import

Majlis Halal Malaysia diaktifkan semula

Oleh SUBKHI SUDARJI

+ PUTRAJAYA - Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengaktifkan semula Majlis Halal Malaysia (MHM) dalam usaha menangani isu kartel daging import.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri berkata, langkah itu diambil selepas mengadakan perbincangan secara berasingan bersama agensi berkaitan serta pengimport dan pengedar daging pada 5 dan 11 Januari lalu.

"Saya telah maklumkan perkara ini kepada Perdana Menteri dan beliau akan mempengerusi MHM. Pada masa sama, kita akan kemukakan apa yang patut dilakukan untuk mempertingkatkan dan menambah baik

majlis ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Agensi Jabatan Perdana Menteri secara maya semalam.

Zulkifli berkata, pihaknya juga akan melancarkan Prosedur Pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara Malaysia 2021 yang akan dilaksanakan dengan segera.

"Ini adalah usaha memperkukuhkan pensijilan halal Malaysia dengan memperkemas prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara.

"Saya difahamkan, prosedur ini akan dibuka untuk ulasan awam dan akan dimasukkan dalam portal www.halal.gov.my selama dua minggu bagi memberi peluang kepada pihak yang terlibat dan berkepentingan se-

perti badan pensijilan halal luar negara atau kedutaan asing untuk memberi ulasan serta pandangan," katanya.

Penubuhan MHM sebelum ini adalah bertujuan sebagai entiti khas yang menyelaras semua agensi yang terbabit dalam usaha menjadikan Malaysia peneraju halal global.

MHM ditubuhkan selepas Jawatankuasa Khas Kabinet Pengurusan dan Pembangunan Industri Halal dibubarkan pada tahun 2016.

Pada 2 Disember tahun lalu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mendedahkan kegiatan kartel daging yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Beri kuasa JPV tangani haiwan ternakan berkeliaran

KEMAMAN – Kerajaan Negeri Terengganu mencadangkan agar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diberi lebih kuasa untuk mengambil tindakan tegas terhadap penternak yang membiarkan haiwan peliharaan mereka berkeliaran di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, buat masa ini, hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk menangkap haiwan berkeliaran dan dilihat masih lagi belum memadai.

“Haiwan yang berkeliaran tidak dianggap sebagai haiwan ternakan dalam istilah penternakan dan keadaan itu memberi masalah untuk tindakan penguatkuasaan.

“Masalah timbul apabila segelintir penternak mengemukakan sistem lepas bebas membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran sehingga memasuki lebuhraya (LPT2),” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau mengulas laporan *Kosmo!* semalam tentang kemalangan disebabkan haiwan



KERATAN *Kosmo!* semalam.

ternakan semakin menjadi-jadi di LPT2 termasuk melibatkan dua kereta yang merempuh sembilan ekor lembu di KM 291.1 di Kijal, pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan memberitahu, tindakan penguatkuasaan mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan sukar dilaksanakan kerana tidak diketahui pemiliknya ekoran haiwan itu tidak ditag.

Katanya, enakmen dan peraturan perlu ditambah baik bagi memberi kuasa kepada JPV untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap haiwan ternakan berkeliaran.

Azman berkata, haiwan ternakan yang dilepas bebas bukan sahaja boleh menyebabkan kemalangan, malah berisiko dihindangi penyakit berjangkit.

HAIWAN peliharaan yang berkeliaran di atas LPT 2 hingga merisikokan keselamatan pengguna lebuhraya.



26.01.2021

HARIAN METRO

LOKAL

16 & 17

'SEKOLAH SABUNG AYAM' DIGEMPUR

Lapan kaki judi diarahkan terbahit dalam perjudian laga ayam, judi holo

Oleh Mohd Jamil Asbia
Md Daim
asbia@metro.com.my

Gombak

Tidak salah seperti sekolah sabung ayam apabila kawasan penempatan kaum terasul dalam talang lapan aswat berhampiran Kudang, Rawang di sini, berterak hampir 500 ekor ayam laga. Malah, lapan yang menjadi pusat sabung ayam ini, dihimpit kaki judi yang memukul memukul berpagut kerendahan dan kereta mewah setiap minggu.

Dibahagikan setiap kaki judi akan bertaruh ayam laga atau judi holo di kawasan hampir lapan terasul. Kira-kira 500 meter dari kawasan haram milik pendatang asing Indonesia.

Kegiatan haram ini bagaimanapun dibongkar oleh pasukan risikanya serta arahan mengawal di kawasan ini. 30 orang lelaki, termasuk Peta Ulu Gombak, Asisten Komisioner Arifin Tawar berketua, ketubuhan hampir sabung ayam itu yang terlibat strategik di hujung talang membolehkan kaki judi menggunakan khidmat pihak polis.

Monstrasi, seramai hampir 30 kaki judi dikenali



SEBAGIAN kaki judi yang ditangkap dalam serbuan.

selang bertaruh ketika seruan dibekalkan sekurang-kurangnya 30 orang polis. Dye Pejabat Polis Daerah (PPD) Gombak.

"Bagaimanapun berpagut kaki sabung ayam ini bertempuran melarikan diri ke dalam paya dan buai. Berhampiran dengan meningkatkan kerendahan masing-masing.

"Bagaimanapun lapan individu yang terbahit dalam perjudian laga ayam dan judi holo berpagut diarahkan. Mereka berpagut di atas hujung minggu dan individu

60-an yang diberikan percutian penghapusan perjudian ini masalah sebaliknya adalah individu yang datang untuk bertaruh judi dan laga ayam.

"Hati operasi ini, kami menangkap hujung hujung hujung, sekurang-kurangnya 30 orang lelaki, termasuk Peta Ulu Gombak, Asisten Komisioner Arifin Tawar berketua, ketubuhan hampir sabung ayam itu yang terlibat strategik di hujung talang membolehkan kaki judi menggunakan khidmat pihak polis.

Monstrasi, seramai hampir 30 kaki judi dikenali



BANGSAK lapan terasul kira-kira 200 meter dari kawasan haram milik pendatang asing Indonesia yang dipanggil pusat sabung ayam.

yang bertaruh membolehkan warga tempatan dan warga asing yang datang dari pelbagai daerah di Selangor" katanya.

Menurutnya, kegiatan pertembungan sabung ayam ini dianggap lagan bertaruh ayam yang tewas akan mati di dalam gelanggang akibat cedera parah tertera taj


pinas. Beliau berkata, semua individu dan barang rampasan itu dibawa ke PPD Gombak untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 71(1)(a) Bab 361 (Judi Terlarik) 1951, Seksyen 421(a) Akta Kesatag 1951, pendatang 2015, Akta Imigrasi 1959 dan Peraturan 1011

Perintah Peraturan Penghapusan dan Penyisiran Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Berjangkit) 2020 dan Seksyen 246 Kanun Keseksian," katanya.

Sementara itu, tujuan serbuan adalah untuk memusnahkan kawasan penempatan haram ini dipenalti operasi apam lagan yang dibekalkan di dalam kawasan rehat kelas.

Salah seorang pegawai yang ditemui mengawal kawasan ini, dia berkata, sabung sabung membolehkan pertembungan hingga berpagut ribu ringgit.



BANGSAK lapan terasul kira-kira 200 meter dari kawasan haram milik pendatang asing Indonesia yang dipanggil pusat sabung ayam.

Harian Metro | Selasa 26.01.2021

46 warga Indonesia kena tangkap



PKR menahan 46 lelaki membolehkan 46 warga Indonesia serta lapan warga tempatan berpagut 10 hingga 40 tahun dalam serbuan.

"Kami menahan 46 lelaki membolehkan 46 warga Indonesia serta lapan warga tempatan berpagut 10 hingga 40 tahun yang dipenalti berpagut dengan kegiatan bertembungan.

"Kerita serbuan dibekalkan, ada antara mereka yang cuba melarikan diri dengan tergesa-gesa dari hujung talang sabung ayam.

"Kami menahan 46 lelaki membolehkan 46 warga Indonesia serta lapan warga tempatan berpagut 10 hingga 40 tahun yang dipenalti berpagut dengan kegiatan bertembungan.

"Kami menahan 46 lelaki membolehkan 46 warga Indonesia serta lapan warga tempatan berpagut 10 hingga 40 tahun yang dipenalti berpagut dengan kegiatan bertembungan.

"Kami menahan 46 lelaki membolehkan 46 warga Indonesia serta lapan warga tempatan berpagut 10 hingga 40 tahun yang dipenalti berpagut dengan kegiatan bertembungan.

"Kami menahan 46 lelaki membolehkan 46 warga Indonesia serta lapan warga tempatan berpagut 10 hingga 40 tahun yang dipenalti berpagut dengan kegiatan bertembungan.

SEBAGIAN kaki judi yang ditangkap dalam serbuan.

selang bertaruh ketika seruan dibekalkan sekurang-kurangnya 30 orang polis. Dye Pejabat Polis Daerah (PPD) Gombak.

"Bagaimanapun berpagut kaki sabung ayam ini bertempuran melarikan diri ke dalam paya dan buai. Berhampiran dengan meningkatkan kerendahan masing-masing.

"Bagaimanapun lapan individu yang terbahit dalam perjudian laga ayam dan judi holo berpagut diarahkan. Mereka berpagut di atas hujung minggu dan individu

60-an yang diberikan percutian penghapusan perjudian ini masalah sebaliknya adalah individu yang datang untuk bertaruh judi dan laga ayam.

"Hati operasi ini, kami menangkap hujung hujung hujung, sekurang-kurangnya 30 orang lelaki, termasuk Peta Ulu Gombak, Asisten Komisioner Arifin Tawar berketua, ketubuhan hampir sabung ayam itu yang terlibat strategik di hujung talang membolehkan kaki judi menggunakan khidmat pihak polis.

Monstrasi, seramai hampir 30 kaki judi dikenali

Perkukuh sijil halal

Jakim buka peluang orang awam, pihak berkepentingan beri pandangan terhadap prosedur pengiktirafan di laman web

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Prosedur Pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara Malaysia 2021 yang dilancarkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, semalam adalah usaha memperkukuhkan pensijilan halal Malaysia.

Katanya, ia bertujuan memperkemas prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara.

Beliau berkata, prosedur itu dibuka untuk ulasan awam dan dimasukkan dalam portal www.halal.gov.my selama dua minggu bagi memberi peluang kepada pihak terbabit dan berkepentingan seperti

badan pensijilan halal luar negara atau kedutaan asing memberi ulasan dan pandangan.

Katanya, pihaknya juga melalui beberapa kilang dan tempat penyimpanan daging di negara ini serta gembira dengan komitmen pihak terbabit.

"Saya percaya dengan penguatkuasaan dan penerapan apa berlaku selepas itu amat memberangsangkan iaitu pengimportan oleh syarikat diiktiraf Jakim.

"Dalam ucapan saya tadi pun, kami buat penambahbaikan untuk dikemukakan kepada khalayak pe-main berkenaan dengan import dan eksport daging dari dalam dan luar negara untuk mereka memberikan komen

dalam masa dua minggu," katanya selepas menyampaikan amanat pada Perhimpunan Agensi-agensi Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bertajuk Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Era Norma Baharu yang disampaikan secara maya, semalam.

Zulkifli berkata, selepas semua maklumat dikemukakan, prosedur itu dilancarkan secara rasmi.

Menjawab mengenai langkah demi memastikan daging import disahkan halal serta disembelih atau dikendalikan mengikut sya-

ri'ah, Zulkifli berkata, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan semua


pihak terbabit selain Jakim bekerjasama dengan pihak terbabit.

Pada masa sama, Ketua Pengarah Jakim Datuk Abdul Aziz Jusoh berkata, sebenarnya prosedur operasi standard (SOP) sudah ada namun perlu ada penambahbaikan.

Katanya, penambahbaikan itu membolehkan pandangan pihak luar terutama dari luar negara.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya juga mengadakan dua mesyuarat bersama kementerian dan jabatan berkaitan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

**Prosedur dibuka
untuk ulasan awam dan
dimasukkan dalam portal
www.halal.gov.my**



PENGUAT kuasa Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) dan kakitangan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) menangkap lembu yang berkeliaran pada Ops Bersepadu Tangkapan Haiwan Berkeliaran LPT2.

Ambil tindakan penternak biar haiwan berkeliaran

Kuala Terengganu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diminta menyemak semula peraturan atau enakmen bagi membolehkan tindakan tegas diambil terhadap pemilik haiwan yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran terutama di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata ketika ini hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah yang boleh mengambil tindakan ke atas haiwan berkeliaran dan bukan JPV.

Beliau berkata, berdasarkan Arahan Protokol JPV Malaysia, semua ternakan berdaftar diwajibkan me-

makai tanda pengenalan.

"Isunya kesedaran dalam kalangan sesetengah pemilik yang mengambil mudah dengan tidak mempraktikkan peraturan, malah mereka mengamalkan sistem lepas bebas.

"Ini menimbulkan banyak masalah seperti risiko penyakit berjangkit, pencemaran dan lebih teruk mendatangkan kemalangan yang meragut nyawa manusia dan haiwan seperti yang berlaku di LPT2 baru-baru ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam kemalangan pada malam Sabtu lalu, dua kereta rosak teruk selepas terlanggar sembilan lembu yang berkeliaran di Kilometer 291.1 LPT2 berhampiran Kijal, Kemaman dan semua haiwan itu mati akibat dirempuh. - Bernama